

18/03/2016 - Program Kesukarelawanan 1M4U PUSPANITA

Bismillahirrahmanirahim,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Yang Dihormati Saudara/Saudari Pengerusi Majlis

YB. Dato' Haji Othman Bin Muda

Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Negeri Terengganu

YBhg. Puan Sri Datuk Rohani Abdullah

Yang Di Pertua PUSPANITA

YBhg. To' Puan Hajah Aizan Ngah

Pengerusi PUSPANITA Cawangan Negeri Terengganu

YBrs. Tuan Haji Talaha Bin Ali

Pegawai Daerah Setiu, Negeri Terengganu

YBrs. Encik Noriman Bin Daud

Penghulu Mukim Pantai, Terengganu

Ahli – ahli Majlis Tertinggi dan Jawatankuasa Kerja Tertinggi PUSPANITA; Wakil agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dan seterusnya para hadirin serta peserta iM4U yang saya hormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia dan izinNya jua, dapat kita bertemu di Kampung Mangkuk, Setiu, Terengganu sempena Program Kesukarelawanan iM4U PUSPANITA Tahun 2016 dan Ziarah Kebajikan dengan bertemakan “Belia Kreatif, Masyarakat Progresif”

2. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu yang juga merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Negeri Terengganu atas sokongan dan komitmen yang diberikan dalam menjayakan program pada hari ini.

3. Tidak lupa juga sekalung penghargaan saya berikan kepada agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dan Jawatankuasa Kerja Program iM4U PUSPANITA Ke Setiu, Terengganu. Setinggi-tinggi tahniah juga diucapkan kepada penduduk Mukim Pantai iaitu dari Kampung Mangkuk dan Kampung. Rhu 10 kerana sudi menerima kunjungan dan menjalinkan kerjasama yang erat dalam menjayakan program seumpama ini.

Hadirin yang dihormati sekalian.

4. Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam atau lebih dikenali dengan nama PUSPANITA merupakan sebuah persatuan yang menjalankan aktiviti – aktiviti kebajikan demi kepentingan ahli dan masyarakat. Sebagai Rakan Perkhidmatan Awam, PUSPANITA berperanan menyebarkan dasar dan hasrat Kerajaan melalui program dan aktiviti yang dijalankan. Apa yang menarik di sini, peserta program PUSPANITA tidak hanya terhad kepada Penjawat Awam dan isteri kepada Penjawat Awam tetapi juga disertai oleh Badan-badan Bukan Kerajaan yang lain seperti Persatuan Ibu Tunggal, pelajar – pelajar IPTA dan IPTS serta masyarakat setempat.

5. Pada hari ini, PUSPANITA bukan sahaja menganjurkan program – program seperti kelas memasak dan menjahit malah turut menganjurkan pelbagai program di luar jangkauan melalui proses transformasi yang diadakan.

6. Ternyata usaha yang dilakukan oleh PUSPANITA Kebangsaan dapat dilihat pada hari ini dengan adanya Program iM4U PUSPANITA “Belia Kreatif, Masyarakat Progresif” dan Ziarah Kebajikan di Setiu, Terengganu. Syabas diucapkan.

Hadirin yang dihormati sekalian

7. Bertepatan dengan tema “Belia Kreatif, Masyarakat Progresif” program yang dianjurkan pada hari ini, bukan sahaja memupuk semangat perpaduan dalam kalangan belia malah turut menekankan semangat kesukarelawan dan tanggungjawab sosial di dalam diri mereka. Elemen perpaduan dan semangat kesukarelawan perlu dipupuk agar keseimbangan sesebuah masyarakat yang harmoni dan muhibah dapat dicapai dengan adanya penyertaan daripada golongan belia. Sesebuah komuniti masyarakat tidak dapat membangun atau menjadi progresif sekiranya golongan belia di dalam komuniti tersebut lemah jati diri dan kurang ilmu pengetahuan.

8. Seharusnya golongan belia pada hari ini perlu lebih peka dan bertanggungjawab dalam memastikan kestabilan komuniti masyarakat terjaga daripada segala ancaman atau anasir-anasir yang jahat. Bak kata pepatah “Bersatu Teguh Bercerai Roboh”.

9. Sememangnya, jalinan kerjasama di antara PUSPANITA Kebangsaan dan iM4U merupakan sebuah inisiatif dan langkah yang bijak dalam mengandungkan kreativiti dan tenaga golongan muda dengan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan.

10. Saya difahamkan, antara aktiviti yang telah dilaksanakan dan dirancang pada semalam dan hari ini ialah aktiviti gotong-royong, mengecat masjid serta membina sebuah Mutiara Ilmu atau perpustakaan bagi penduduk setempat di sini. Aktiviti-aktiviti seumpama ini bukan sahaja menekankan elemen kesukarelawan malah turut mempupuk budaya membaca di dalam diri mereka.

Hadirin yang dihormati sekalian

11. Dalam mewujudkan sebuah masyarakat yang progresif yakni sebuah masyarakat yang sentiasa bergerak maju, peranan golongan belia perlu dititikberatkan. Kerajaan pada hari ini telah mewujudkan pelbagai langkah dan inisiatif yang menarik dalam memastikan golongan belia di negara ini dapat memainkan peranan yang lebih luas demi kesejahteraan dan pembangunan masyarakat.

12. Menyentuh mengenai perihal ini, saya ingin berkongsikan mengenai My Kampung My Future (Kampungku Masa Depan) yang terhasil di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau NBOS. My Kampung My Future atau MKMF merupakan sebuah inisiatif Kerajaan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang menggalakan golongan belia untuk terus tinggal di kampung dengan membangunkan aktiviti pertanian dan bukan pertanian yang berpendapatan tinggi. Malah inisiatif ini juga membentuk suasana atau persekitaran yang menarik bagi menarik minat golongan belia untuk terus tinggal di kampung.

13. Sebagai contoh terdekat, kejayaan usahawan di Kampung Durian Telor, Besut Terengganu, 57 KM atau 1 jam perjalanan daripada sini telah menghasilkan 108 usahawan muda yang memfokuskan pelbagai kegiatan pertanian seperti penanaman padi organik, sayur sayuran, jagung dan sebagainya. Malah pada tahun lepas sahaja (2015), jumlah hasil pendapatan bagi penanaman padi organik yang dihasilkan adalah berjumlah RM86,500 iaitu dengan purata hasil pendapatan sebanyak RM7,200 sebulan.

14. Ini merupakan kali kelima PUSPANITA Kebangsaan bekerjasama dengan Cawangan – cawangan PUSPANITA dalam mengadakan Program iM4U sejak tahun 2013. Saya difahamkan pelbagai program telah dilaksanakan dan salah satu program tersebut ialah Program Sukarelawan iM4U PUSPANITA dan Misi Banjir di Pahang, Terengganu dan Kelantan pada 16 – 18 Januari 2015.

Hadirin yang dihormati sekalian,

15. Saya cukup berbangga pada hari ini, kerana program seumpama ini dapat dijayakan bersama dengan sokongan dan kerjasama oleh penduduk Kampung Mangkuk dan Kampung

Rhu 10, Setiu Terengganu. Melalui program seumpama ini, selain kita dapat menjalankan tanggungjawab sosial, kita juga berpeluang untuk menyelami dan menghayati budaya serta kehidupan penduduk kampung di sini.

16. Sebagai sebuah persatuan berkebajikan, PUSPANITA sentiasa memberikan sumbangan kebajikan kepada ahli dan masyarakat semasa program – program ini diadakan. Saya telah difahamkan, pada hari ini PUSPANITA berbesar hati untuk memberikan sumbangan kebajikan sebagai tanda keprihatinan PUSPANITA kepada golongan yang memerlukan di sini. Terima kasih PUSPANITA.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

25. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada hari ini, saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, PUSPANITA Kebangsaan, Penasihat – penasihat PUSPANITA Cawangan, Pengerusi –pengerusi PUSPANITA Cawangan, agensi-agensi dan Jabatan Kerajaan, Penduduk-penduduk Kampung Mangkuk dan Kampung Rhu 10 Setiu, Terengganu serta semua pihak yang secara langsung atau tidak langsung menjayakan program pada hari ini.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, sukacitanya saya merasmikan Program iM4U PUSPANITA “Belia Kreatif, Masyarakat Progresif” dan Ziarah Kebajikan di Setiu, Terengganu pada hari ini.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

©2016 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://www.pmo.gov.my/ksn/home.php?frontpage/speech/detail/2049>